

MEMAHAMI AL-WALA DAN AL-BARA'

Oleh Ustaz H Ali H Mohamed

Konsep al-Wala' dan al-Bara' penting dalam memahami dan memperbetulkan fahaman pengganas dan pelampau hari ini. Namun begitu pengganas dan pelampau bukanlah orangnya yang telah memperkenalkan konsep al-Wala' dan al-Bara' ini. Pengertian al-Wala' dan al-Bara' ini memang ada di dalam Islam. Namun kegunaannya dalam bentuk konsep yang bersepadu dan disusun adalah baru. Yang lebih dikhuatirkan adalah keberanian para pengganas hari ini mengotorkan erti sebenar al-Wala' dan al-Bara' untuk membenarkan jalan ganas mereka.

Dari sudut bahasa, al-Wala' bererti kesetiaan, kepatuhan, dan cinta. Al-Bara' pula bererti jauh terlepas, bebas dari sesuatu atau seseorang, tidak bersalah, dan benci. Dari sudut agama pula, al-Wala' dikaitkan kepada cinta kepada Allah, RasulNya, orang-orang Mukmin dan lain-lain lagi. Al-Bara' pula dikaitkan dengan kebebasan daripada kekufuran, maksiat, kejahatan dan perkara-perkara negatif lainnya.

Konsep ini telah disalahertikan oleh pelampau dan pengganas sehingga ianya menjadi alasan dan dalil untuk membenci orang yang bukan Islam, dan juga orang Islam yang tidak sefahaman dengan mereka. Natijah daripada kesalahfahaman konsep ini adalah timbulnya hidup yang sentiasa dipenuhi ketegangan dan permusuhan sesama orang Islam dan orang Islam, dan juga antara orang Islam dan orang yang bukan Islam. Kesalahfahaman konsep ini juga telah banyak menghalalkan darah sesama manusia, baik yang Islam dan yang bukan Islam.

Secara dasarnya, konsep Al-Wala' dan al-Bara' ini membicarakan tentang hubungan antara orang Islam dan orang yang bukan Islam. Antara lain, konsep ini dihuraikan untuk memberi gambaran kepada beberapa persoalan antaranya:-

- Bagaimanakah orang Islam melihat orang bukan Islam dan membina persepsi terhadap mereka?
- Bagaimanakah orang Islam berinteraksi dengan orang yang bukan Islam?
- Bagaimanakah orang Islam dapat hidup bersama orang yang bukan Islam?

Islam adalah agama yang mementingkan perhubungan baik sesama manusia. Konsep berkenal-kenalan (ta'aruf), saling bantu membantu (ta'awun) dan hidup bersama (taayyush) antara konsep utama perhubungan sesama Islam dan yang bukan Islam. Kesalahgunaan konsep al-Wala' dan al-Bara' telah menyebabkan para pelampau mempercayai bahawa dasar hubungan orang Islam dan orang yang bukan Islam adalah atas dasar permusuhan dan peperangan. Maka, secara semula jadinya mereka membenci setiap orang kafir. Apabila persepsi sedemikian menjadi pegangan, maka akan berterusan peperangan, permusuhan dan pembunuhan, yang sayangnya dilakukan atas nama Jihad yang telah juga disalahertikan.

Sepanjang tradisi ilmu Islam dari zaman Rasulullah s.a.w., erti al-Wala' dan al-Bara' telah ditonjolkan. Erti al-Wala' sebagai cinta banyak dibicarakan di dalam Islam. Sebagai contoh, orang yang dicintai Allah swt serta mendapat kedekatan kepada Allah swt dinamakan sebagai Wali Allah. Maka dari sudut bahasa, seorang Wali Allah itu wala' kepada Allah, iaitu dia dekat, patuh, dan cinta kepada Allah. Perkataan wali mempunyai pangkal kalimat yang sama dengan al-Wala'.

Umat Islam juga telah sentiasa diingatkan untuk menjauhkan dan membebaskan diri dari kemaksiatan, kekufuran, dan kefasikan. Peringatan ini mengandungi erti al-Bara'. Banyak kisah di dalam Al-Quran memberi ingatan tentang erti al-Bara'. Kisah Nabi Ibrahim dengan bapanya, kisah Nabi Yusuf a.s. selepas terselamat dari hukuman penjara, kisah orang-orang yang di dalam Neraka menginginkan kembali ke dunia dan banyak lagi memberi contoh tentang erti bebas dari

kekufuran, bebas dari kemaksiatan, dan bebas dari kemungkaran – semuanya mengandung pengertian al-Bara’.

AL-WALA’ DAN AL-BARA’ DALAM PANDANGAN AL-QAHTHANI

Persoalannya kini bagi kita adalah: Adakah usaha menggabungkan konsep al-Wala’ wal Bara’ ini merupakan usaha reformasi pemikiran yang diperlukan hari ini? Adakah realiti hari ini memerlukan setiap ummat Islam mengetahui serta mempelajari konsep ini? Dan jika perlu, adakah konsep ini perlu difahami secara bergandingan ataupun ianya boleh difahami secara terpisah?

Di dalam menulis Kitab *Al-Wala’ wal Bara’ fil Islam* (Cinta dan Benci Di Dalam Islam), al-Qahthani ingin mencari jawapan bagi beberapa persoalan khusus yang beliau merasakan perlu dijawab hari ini. Antara persoalannya adalah:

- “kepada siapakah seorang Muslim memberikan patuhnya?”,
- “untuk siapakah kepatuhan seorang Muslim diberikan?”,
- “kepada siapakah kebencian seorang Muslim ditunjukkan?”,
- “apa hukum memberikan kepatuhan kepada orang kafir?”.

Persoalan sedemikian timbul, bagi al-Qahthani, kerana keadaan hidup hari ini telah tercemar kerana ummat Islam telah terkebelakang dan mengalami kemunduran. Bagi beliau, ummat Islam hari ini telah lebih suka hidup dengan kemewahan sehinggakan pemikiran dan akidah mereka telah hilang jati dan kebersihannya.

Menurut pandangan beliau, konsep al-Wala’ dan al-Bara’ terkait rapat dengan keagungan kalimat tauhid “La Ilaha Illallah Muhammad Rasulullah”. Kedua konsep ini “merupakan sebahagian dari hasil La Ilaha Illallah”, kata beliau. Atas dasar tersebut, beliau meletakkan kedudukan al-Wala’ wal Bara’ ini menjadi bahagian dari aqidah Islam iaitu kepatuhan dan kecintaan kepada Allah dan RasulNya, serta kebencian kepada kekufuran, kefasikan dan kemungkaran itu adalah intipati hidup Muslim.

Maka, al-Qahthani mendasarkan tiga elemen utama Al-Wala' sebagaimana yang terdapat dalam Al-Quran yaitu Wala' kepada Allah, Wala' kepada Rasul dan Wala' kepada orang-orang beriman berdasarkan firman Allah swt dalam Surah Al-Maidah ayat 55 yang bermaksud *"Sesungguhnya wali (penjaga) kamu adalah Allah, Rasul dan orang-orang yang beriman"*.

Menurut pemahaman beliau, Wala' kepada Allah bererti menetapkan ketuhanan dan ibadah kepada Allah sahaja, manakala Wala' kepada Rasul bererti taat kepadanya dan menganggap Rasul sebagai syari' (sumber hukum Allah) dan penjelas bagi Al-Quran, dan Wala' kepada orang-orang beriman bererti memelihara kesejahteraan dan tidak menzalimi mereka.

Selain dari itu, menurut al-Qahthani, konsep al-wala' dan al-bara' ini ditujukan terhadap tiga kelompok manusia:

- 1) Orang yang harus dicintai secara penuh – orang yang beriman kepada Allah;
- 2) Orang yang harus dicintai dari satu segi, namun harus dibenci dari segi yang lain – orang Islam yang bercampur kebaikan dan keburukan;
- 3) Orang yang harus dibenci secara total – orang yang kufur dan yang menyekutukan Allah.

Antara lain, Al-Qahthani juga menjelaskan bagaimana hak Muslim sesama Muslim, serta bentuk yang bagaimana seorang Muslim dapat berinteraksi dengan yang bukan Muslim. Beliau berfatwa membolehkan menjawab salam kepada yang bukan Islam, boleh bermua'amalah di dalam perniagaan dan kehidupan berilmu, serta menjenguk mereka. Beliau juga mewajibkan penghijrahan kaum Muslim dari negara bukan Islam kepada negara Islam. Dalam beberapa kesempatan, al-Qahthani telah membidas sebahagian ulama yang menganjurkan kedamaian sesama agama seperti Syaikh Mustafa al-Maraghi, Syekh Muhammad Abu Zahrah dan Dr. Wahbah Az-Zuhaili. Beliau juga membidas keras Jamaluddin al-Afghany yang dikatanya "terpengaruh oleh pemikiran-pemikiran

kotor freemasonry”, serta meletakkan Syaikh Muhammad Abduh dalam kategori mereka yang “melampaui batas dalam menjalin kerjasama dengan Inggeris”. (Berkenaan isu-isu ini, sila rujuk Muhammad bin Sa’id al-Qahthani, *Al-Wala’ wal Bara’ fil Islam* (Al-Fath Lil’Alam al-‘Arabi: 1422H) muka surat 280, 347, 349, 366, dan 397.)

Para pembaca Kitab *Al-Wala’ wal Bara’ fil Islam* ini perlu peka dengan senario sosio-politikal serta kecenderungan al-Qahthani di dalam menulis buku ini. Sebagai hasil Phdnya, kitab ini merupakan satu bentuk kajian secara akademik yang cuba menonjolkan pemahaman serta pandangan al-Qahthani sendiri sebagai murid dan penulis tesis ini. Maka seperti yang dinyatakan sendiri oleh al-Qahthani, pembaca dapat menghulurkan pandangan sekiranya “menemukan kekeliruan-kekeliruan” di dalam kitab ini.

Selain dari membicarakan konsep al-Wala’ dan al-Bara’ ini, al-Qahthani juga menjelaskan beberapa pandangan tersendiri beliau seperti yang telah kami utarakan di atas. Pandangan sebegini perlu dibaca dan diteliti dengan penuh keprihatinan. Ditakuti beberapa pandangan beliau mungkin dapat membawa kepada kekeliruan dan punya kontradiksi dengan konsep-konsep yang dibicarakan. Bagi tujuan mendapatkan pemahaman yang lebih meluas, penulis juga seharusnya dapat lebih meluaskan sumber rujukannya.

PENGARUH AL-WALA’ WAL-BARA’ DALAM IDEOLOGI PELAMPAU MUSLIM

Konsep al-Wala’ wal Bara’ adalah intipati ideologi kumpulan pelampau Muslim. Menurut mereka, dikeranakan aqidah penting bagi Islam, maka konsep al-Wala’ wal Bara’ menjadi alat pemurnian aqidah, maka konsep ini teramat penting. Menurut fahaman kumpulan pelampau dan pengganas, Al-Wala’ memberi inspirasi kepada sifat cinta dan kasih sayang, manakala Al-Bara’ pula adalah menimbulkan rasa kebencian, permusuhan dan juga penolakan. Kedua-duanya itu terkait dengan deklarasi aqidah dan menurut mereka bukti-buktinya banyak dijelaskan dalam Al-Quran.

Setiap Muslim beriman kepada Allah, taat kepada Rasul serta berkasih sayang sesama orang-orang beriman. Namun kesalahfahaman interpretasi firman Allah swt yang dijelaskan di dalam surah al-Maidah ayat 55 yang telah dijelaskan diatas, tidak bermaksud untuk menimbul dan menanamkan rasa benci kepada mereka yang selain Allah, Rasul dan orang-orang beriman. Kesempitan interpretasi ini menjadi elemen utama bagaimana para pelampau mendalilkan ayat tersebut untuk berterusan bermusuha, berperang sertamembunuh orang-orang Islam yang tidak mantap imannya serta orang yang mereka menggelarkan kafir.

Kesannya, para pelampau dan pengganas mengamalkan takfir, pemberontakan bersenjata, merasakan pegangan merekalah yang benar dan eksklusif, mereka lebih Muslim dari yang lain, dan mereka berpandangan negatif terhadap kesemua orang bukan Islam.

Apabila mereka menjadikan konsep al-Wala' wal Bara' ini sebagai perkara usul di dalam aqidah Islam, maka mereka bersikap tidak boleh berkompromi. Maka konsep ini menjadi landasan hukum bagi menentukan kecintaan dan kebencian mereka.

Bagi mereka semua orang yang bukan Islam itu adalah anti-Islam. Mereka berpegang kepada pemikiran yang amat simplistic iaitu sesiapa yang tidak mengikuti penafsiran mereka bererti dia terkeluar dari Islam yang sebenar. Maka mereka merasakan hanya fahaman dan interpretasi agama mereka sahajalah yang benar.

Maka, akhirnya, pembunuhan terhadap semua orang bukan Islam menjadi halal. Pembunuhan kepada orang Islam yang tidak sefahaman dengan mereka menjadi halal.

RESPON TERHADAP SALAH TAFSIRAN KONSEP AL-WALA' DAN AL-BARA'

Allah swt telah memerintahkan orang-orang Islam agar bersifat kasih-sayang, hormat- menghormati dan tolong-menolong sesiapa sahaja termasuk orang yang bukan Islam sekali pun. Islam juga menganjurkan kita agar mencari ilmu atau apa sahaja yang punya manfaat bagi kesejahteraan hidup kita secara halal, walaupun ianya datang dari orang yang bukan Islam, sebagaimana yang telah ditunjukkan sendiri oleh Rasulullah saw dalam masa hayatnya.

Haruslah ditegaskan bahawa amatlah penting bagi seseorang Muslim memahami pengertian al-Wala' dan al-Bara' yang sebenarnya sebagaimana yang ditonjolkan oleh Rasulullah saw dan generasi seterusnya, dan juga memahami dasar hubungan antara Muslim dan non Muslim. Al-Quran telah menjelaskan di pelbagai kesempatan tentang peranan Islam, Rasulullah s.a.w. serta umat Islam didalam membentuk hubungan sesama ciptaan Allah swt:

1- Islam adalah agama rahmat atau kasih sayang. Firman Allah swt di dalam Surah Al-Anbiyaa ayat 107: *"Dan tidak kami utuskan kamu wahai Muhammad melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."* Ayat ini menjelaskan bahawa kasih sayang yang datang dari Allah itu merangkumi segala ciptaan termasuk orang kafir sekali pun.

2- Firman Allah swt didalam Surah Al-Baqarah ayat 256: *"Tiada paksaan dalam agama."* Islam tidak menuntut orang kafir itu untuk menerima Islam. Dan begitu juga, orang Islam tidak seharusnya menggunakan paksaan dalam memanggil orang menganuti Islam.

3- Firman Allah swt di dalam Surah al-Mumtahanah ayat 8: *"Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana ugama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu*

daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana ugama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.” Ayat ini menerangkan secara terperinci, dasar hubungan yang harus wujud antara Muslim dan non Muslim yang menerima Islam dan juga larangan untuk memerangi mereka yang tidak bermusuhan dengan orang Islam.

4- Islam menghormati dan memuliakan setiap golongan manusia. Firman Allah swt di dalam Surah Al-Isra’ ayat 70: *“Dan telah Kami muliakan keturunan Adam.”* Allah swt telah menjelaskan kemuliaan anak Adam yang termasuk orang bukan Islam supaya terbina di dalam pemikiran kita bukti tentang kebesaran dan kemuliaan ciptaan Allah swt.

Yang terpenting kita percayai adalah bahawa dikeranakan kedudukan Islam sebagai agama salam dan damai, maka setiap suruhan agama Islam mestilah didasarkan dengan kefahaman erti wahyu Tuhan yang menyeluruh dengan berlandaskan serta berpandukan fikiran yang bersih jernih, yang timbul dari hati yang tulus dan pendidikan yang menyeluruh. Usaha berterusan para pelampau dan pengganas mengotorkan pelbagai konsep Islam yang suci lagi murni seperti jihad, bai’ah, hijrah dan banyak lagi adalah berlandaskan keketatan keilmuan, kesempitan pemikiran, suasana hidup politik yang banyak mempengaruhi fahaman agama mereka serta kehidupan mereka yang lebih eksklusif sesama orang yang sama agama dan sama adat resam.

Berapa ramaiakah dari para pelampau dan pengganas pernah merasakan suasana hidup di dalam negara yang berbilang kaum dan berbilang agama, yang penduduk Islamnya minoriti, yang penduduk Islamnya tidak mempunyai monopoli ekonomi yang kukuh contohnya? Konteks hidup di Negara seperti Singapura, di mana masyarakat Islam adalah masyarakat minoriti perlu difahami caranya. Tidakkah bererti hidup di suasana sebegini tidak mengizinkan seseorang Muslim itu untuk berjaya hidup sebagai orang Islam seperti yang diingini Allah

swt. Konsep keadilan ('adl), usaha mencerminkan kemurnian Islam (ihsan), dan anjuran Islam untuk berterusan berjuang demi keamanan (salam) perlu difahami dan diamalkan oleh setiap orang Islam yang berada di dalam suasana minoriti. Menghormati kewujudan agama yang lain perlu menjadi nadi bergeraknya setiap Muslim di dalam keadaan hidup sebegini. Islam tidak pernah menganjurkan unsur paksaan, malahan Islam senantiasa memartabatkan unsur hidayah.

Maka dalam memahami konsep al-Wala' dan al-Bara' ini, kita perlu akur bahawa al-Wala' bermaksud cinta, kasih sayang, sokongan, perlindungan dan panduan, yang tidak beserta kebencian dan permusuhan. Begitu juga, al-Bara' tidak khusus kepada membenci seseorang. Ianya merangkumi pelepasan dari segala yang buruk yang dilarang oleh Allah swt seperti kemaksiatan dan perbuatan yang mungkar.

USAHA TERKINI BAGI MENANGANI SALAH TAFSIRAN KONSEP AL-WALA' DAN AL-BARA'

Sesiapa yang membaca kitab penulisan al-Qahthani perlu berhati-hati didalam menerima hujah beliau. Sebelum membaca kitab sebegini, para pembaca perlu peka terhadap senario pengaruh politik dan pembinaan pemikiran penulis seperti al-Qahthani. Setiap pembaca perlu mempunyai tempat merujuk tentang isi kandungan yang dipersembahkan. Maka, yang terpenting kini adalah bagi para ulama serta asatizah untuk peka terhadap kemunculan konsep al-Wala' dan al-Bara' ini. Apatah lagi konsep sebegini menjadi pegangan pelampau dan pengganas pada hari ini. Para ulama dan asatizah perlu mengkaji dan memahami konsep ini supaya mereka akan mampu memberi penjelasan yang sebenarnya tentang konsep ini.

Beberapa isu yang terkait dengan konsep ini seperti dasar hubungan antara Muslim dan bukan Muslim, pandangan mengenai nasionalisme, demokrasi dan sekularisme perlu diuraikan.

Usaha untuk memelihara kejernihan konsep ini dari pelampauan perlu terus giat dijalankan. Para ulama dan asatizah perlu berani menangani sikap eksklusif, generalisasi, dan pemikiran para pelampau yang merasakan bahawa merekalah sahaja yang benar.

Konsep Al-Wala' dan Al-Bara' ini telah dipakej oleh al-Qahthani dan Said Hawwa menurut kebijaksanaan mereka. Para ulama hari ini perlu mempakej semula apa yang terkandung dalam konsep ini, terutama didalam mengenengahkan bahawa olahan konsep al-Wala' dan al-Bara' bukan semuanya berbentuk usul didalam aqidah Islam. Usaha para ulama terdahulu didalam mengetengahkan konsep-konsep seperti Wali Allah sebagai pemuka kedamaian yang menjadi contoh dekatnya mereka kepada Allah, konsep mahabbah, konsep khauf dan raja' (takut dan berharap) dan konsep tawakkul (bertawakkal) perlu diketengahkan di dalam masyarakat hari ini.

Di dalam konteks Muslim di Singapura hari ini, para ulama perlu menjelaskan kedudukan Muslim minoriti. Di dalam penjelasan fiqhul waqi' (fiqh masa ini), para ulama perlu menyelusuri erti kerakyatan kepada negara, wala' kepada negara, serta keadaan globalisasi yang amat unik jika dibandingkan dengan suasana hidup sebelum ini.

Selain dari itu, kita mesti menggalakkan reformasi pemikiran di kalangan masyarakat Islam Singapura khususnya. Maksud reformasi pemikiran ini adalah kemampuan kita sebagai orang Islam untuk memahami asas dan dasar agama Islam menerusi pembelajaran yang berterusan, dengan menuruti pegangan para ulama mu'tabarah, yang menjadi ibarat cahaya lilin yang menerangi kegelapan malam. Janganlah kita terjatuh ke lembah merasakan yang kita lebih faham tentang agama dari orang lain. Ilmu Allah swt teramatlah luas, sedangkan kemampuan kita amatlah terhad. Marilah kita bersatu padu membina pemikiran dan pemahaman yang sebenar di kalangan masyarakat islam kita terutama di Singapura ini, supaya nanti generasi akan datang kita akan terselamat dari genggam dan tipudaya ideologi kekerasan, kekejaman dan pengganasan yang

menggunakan Islam sebagai alat kepentingan mereka. Ajakan untuk bersatu padu ini jelas di dalam firman Allah swt pada Surah Ali Imran, ayat 103

"Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu bermusuh musuhan, maka Allah mempersatukan hatimu, lalu menjadilah kamu karena nikmat Allah, orang-orang yang bersaudara; dan kamu telah berada di tepi jurang neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu, agar kamu mendapat petunjuk."

Kedamaian, keamanan dan kesejahteraan yang kita nikmati di Negara kita hari ini hari ini perlu dirasakan kebesarannya, serta disyukuri. Setiap lapisan masyarakat Singapura yang berbilang bangsa dan agama harus memegang teguh suasana ini. Usaha ini merupakan usaha bersama, bukan hanya tanggungjawab ini dilaksanakan oleh pihak yang berwajib sahaja. Menghargai prinsip yang menyatu-padukan penduduk Singapura adalah satu penghargaan yang tinggi dan harus dilakukan oleh umat Islam Singapura. Usaha sebegini akan menjamin supaya keturunan kita tidak luput dan tidak senang dipergunakan oleh anasir-anasir yang bersembunyi dengan mencemarkan agama Islam yang suci dan murni.

Moga Allah swt senantiasa membantu kita semua.

Wallahu 'Alam.